

# Malaysia mula dihormati di United Kingdom



Oleh Chamil Wariya

WAKIL UTUSAN DI LONDON

11 MAR 1983

**L**ONDON 10 Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu sudah ada tanda walaupun sedikit yang Malaysia mula dihormati oleh orang-orang di United Kingdom.

Berucap kepada kira-kira 150 orang ahli UMNO UK yang menyambut ketibaan beliau di Rumah Kerajaan Malaysia di sini sebelum berbincang dengan Perdana Menteri, Margaret Thatcher malam tadi, beliau tidak menerangkan tanda yang beliau maksudkan tapi cuma berkata "sekarang ini kita tahu orang-orang di sini sudah mula hormat kita sikil".

Datuk Sri Dr. Mahathir berbincang selama sejam dengan Thatcher malam tadi. Walaupun setakat ini Datuk Sri Dr. Mahathir belum membuat ulasan rasmi tentang perundingan itu tetapi sumber-sumber Malaysia memberitahu hasilnya adalah baik.

Sumber itu tidak pula mahu terlalu optimistik untuk memvatakan sama ada pertemuan itu akan seperti memulih-

kan hubungan kedua negara yang dingin sekarang tetapi menambah rundingan yang berlangsung selama 60 minit itu berjalan lancar dan segala-galanya menuju ke arah yang betul, katanya mengesankan ini ialah pertemuan pertama kali antara mereka dan sejak hubungan rentak kedua pemimpin nampaknya "berbincang dalam suasana yang baik".

Sumber itu memberitahu perbincangan tersebut bukan sahaja menyentuh hubungan dua hala KL - London tetapi meliputi soal-soal semasa antarabangsa termasuk hari Persidangan Kemuncak Negara-Negara Berkecuali yang dihadiri oleh Datuk Sri Dr. Mahathir di New Delhi baru-baru ini.

Bagaimanapun Datuk Sri Dr. Mahathir banyak memusatkan perbincangan untuk menerangkan sebab-sebab dan latar belakang yang membuat beliau mengambil sikap baru yang tidak disenangi oleh Britain manakala Puan Thatcher pula memberitahu beberapa langkah yang sedang diambil oleh negaranya untuk membetulkan hubungan kedua negara.

Puan Thatcher menyebut tentang peruntukan 5 juta pound yang diberi kepada Malaysia di bawah satu skim baru untuk menolong Kerajaan Malaysia mengirih pelajarinya ke United Kingdom dalam masa tiga tahun akan datang.

Sumber Malaysia memberitahu Datuk Sri Dr. Mahathir mengalukan skim tersebut dan lain-lain perubahan sikap Britain terhadap Malaysia.

Dalam rundingan malam tadi Datuk Sri Dr. Mahathir diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United

Kingdom, Encik Kassim Hussein manakala Thatcher disertai oleh Setiausaha Tetap Pejabat Luar.

Lepas perbincangan Datuk Sri Dr. Mahathir dan isteri diraikan oleh Puan Thatcher dalam satu majlis makan malam yang turut dihadiri oleh 50 orang pembesar negara mereka termasuklah Menteri Kewangan, Sir Jaffery Howe, Menteri Negara Bagi Hal Ehwai Luar, Lord Balsted yang menyambut ketibaan Datuk Sri Dr. Mahathir di Lapangan Terbang London dan Lord Jellico bakal Pengerusi Lembaga Perdagangan Luar Negeri Britain.

Lain-lain termasuklah ahli-ahli politik kanan Konservatif dan ahli-ahli perniagaan terkemuka.

Datuk Sri Dr. Mahathir akan berada di London hingga Sabtu ini.

Setibanya semalam, Datuk Sri Dr. Mahathir telah disambut oleh kira-kira 150 orang ahli UMNO UK yang mengibarkan bendera Malaysia di kediaman rasminya.

Mereka menyambut Datuk Sri Dr. Mahathir dengan sepanduk menyokong dan memuji beliau kerana ada ancaman yang FUEMSO pertubuhan pelajar yang berkempen bagi mencemarkan nama baik Malaysia di negara ini akan mengadakan tunjuk perasaan anti Malaysia di kediaman Datuk Sri Dr. Mahathir tetapi tunjuk perasaan itu tidak jadi diadakan.

Dalam ucapan ringkas kepada ahli-ahli UMNO Datuk Sri Dr. Mahathir telah mengecam pertubuhan-pertubuhan seperti FUEMSO kerana kegiatan-kegiatan perosak Malaysia.